

Siasatan kes ah long terbantut

KUALA LUMPUR 12 Jun – Siasatan terhadap sekumpulan ah long, yang menyiksa tiga peminjam seperti binatang di Taman Perindustrian Bukit Serdang pada 30 Mei lalu, terbantut apabila beberapa saksi dan mangsa kes itu berubah fikiran dan tidak memberikan kerjasama kepada pihak polis.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar berkata, beberapa saksi dan mangsa yang dikenal pasti dapat membantu siasatan kes tersebut enggan mengecam suspek dan mengubah keterangan mereka.

“Polis kini menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan kes itu tanpa kerjasama orang ramai dan mangsa.

“Saya ingin mengingatkan orang ramai supaya jangan takut untuk memberikan kerjasama kepada polis kerana polis akan merahsiakan maklumat itu selain memastikan keselamatan mereka terjamin,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis tamat latihan dan pelantikan Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (Suksis) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini semalam.

Tambahnya lagi, polis tidak mahu menggunakan undang-undang mengikut Seksyen 111 Kanun Acara Jenayah untuk mendesak mereka yang terlibat memberikan kerjasama kepada polis.

Sejak 30 Mei lalu, polis telah menahan tujuh suspek yang dipercayai terlibat dalam kes mengurung dan merantai tiga peminjam seperti binatang di sebuah rumah kedai di Jalan PBS 14/2, Taman Perindustrian Bukit Serdang.